

Bantuan?

Jika buku panduan ini tidak memberi jawapan atau jika 'Tip' tidak menyelesaikan masalah TV anda, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat atau Pelanggan Philips Tempatan. Lihat buku jaminan seluruh Dunia yang dibekalkan.

Sila sediakan nombor Produk dan Model yang boleh ditemui di belakang peti televisyen anda atau pada bungkusan sebelum menghubungi talian bantuan Philips.

Model: 37PF7320/79
37PF7320/98
42PF7320/79
42PF7320/98
42PF7420/79
42PF7420/98
50PF7320/79
50PF7320/98
42PF7520Z/79

No Produk:

Pengenalan

Terima kasih dengan pembelian set televisyen ini. Buku panduan ini telah direka untuk membantu anda memasang dan mengendalikan set TV anda. Kami menyarankan agar anda membacanya dengan teliti. Kami harap agar teknologi kami telah menepati kepuasan anda sepenuhnya.

Isi kandungan


Persediaan2
Untuk menggunakan menu3
Menggunakan alat kawalan jauh4
Kekunci di sebelah kanan TV6
Sambungan belakang6
Perakam (VCR-DVD+RW)7
Peranti dengan Penyambung Output Video Komponen ..	.8
Peranti dengan output skan Progresif9
Peranti dengan penyambung HDMI10
Peranti dengan penyambung DVI kepada penyambung HDMI TV10
Komputer dengan penyambung VGA kepada penyambung PC-VGA TV11
Sambungan sisi12
Merakam dengan perakam anda13
 Bagaimana untuk mencari dan menyimpan saluran TV14
Beri nama16
Menyunting saluran16
Menu ciri-ciri17
PIP (Gambar dalam Gambar)17
Pegunci18
Teleteks19
Menggunakan mod monitor PC20
Menggunakan mod HD (Definisi Tinggi)21
Tip22

Melayu

Kitar semula



Peralatan yang digunakan di dalam set anda boleh digunakan semula ataupun dikitar semula. Untuk meminimakan pencemaran alam sekitar, syarikat-syarikat pakar akan mengumpul barang elektrik dan merungkainya setelah mendapati ada terdapat mana-mana peralatan yang boleh diguna semula (rujuk kepada pengedar anda untuk keterangan lanjut).



Penjagaan Skrin

Jangan sentuh, tolak atau gosok mahupun ketuk skrin dengan sebarang benda keras kerana ini boleh mencalar, membinasa atau merosakkan skrin secara kekal. Jangan gosok dengan kain habuk yang dirawat dengan kimia. Jangan sentuh permukaan dengan tangan atau kain bergris (sesetengah kosmetik berbahaya kepada skrin). Cabut palam sebelum membersihkan skrin. Apabila permukaannya berabuk, sila lapkan dengan perlahan menggunakan kain kapas yang boleh meresap atau bahan lembut lain seperti kain 'chamois'. Jangan gunakan acetone, toluene dan alkohol kerana ia menyebabkan kerosakan kimia. Jangan gunakan pembersih cecair atau aerosol. Lapkan air ludah atau titisan air dengan segera. Apabila ia menyentuh skrin untuk jangka masa yang lama, ia boleh mengakibatkan deformasi dan pelunturan warna.

Amaran mengenai imej tidak bergerak di skrin TV.

Satu ciri Panel Paparan Plasma ialah paparan imej yang sama untuk jangka masa yang lama boleh menyebabkan 'selepas imej' yang kekal di skrin. Ini dikenali sebagai 'phosphor burn in'.

Penggunaan TV secara biasa harus melibatkan tayangan gambar yang mengandungi imej bergerak dan bertukar-tukar di skrin.

Bar Hitam

Apabila bar hitam muncul di bahagian kiri dan kanan kaca TV, adalah disyorkan menukar format gambar supaya gambar tersebut memenuhi keseluruhan ruang kaca TV.


Persediaan

1 Arahan untuk memasang di dinding/Kaki meja

Mengikut jenis TV yang dibeli oleh anda, braket memasang di dinding dan/atau kaki mungkin dibekalkan. Cara untuk memasang braket pemasangan dinding dan/atau kaki boleh didapati daripada risalah yang dibekalkan secara berasingan. Pastikan pemasangan dinding dipasang dengan kukuh supaya ia memenuhi piawaian keselamatan. Berat TV (tidak termasuk bungkusan) adalah lebih kurang 30 kg (37PF7320 (Z)); 42 kg (42PF7320/7420); 60 kg (50PF7320).

Note: Kaki lain (tidak dibekalkan) merupakan aksesori tidak wajib. Rujuk kepada penjual anda.

2 Pastikan udara berlegar dengan bebas melalui lubang-lubang udara.




Untuk mencegah sebarang situasi yang tidak selamat, tiada punca api yang terbuka seperti lilin menyala, harus diletakkan di atas atau berdekatan dengannya. Elkakan haba, pancaran matahari terik dan pendedahan kepada hujan atau air. Peralatan ini tidak harus didedahkan kepada titisan atau percikan.

3 Masukkan palam aerial ke dalam soket aerial T di bawah TV. Untuk kualiti gambar yang terbaik, gunakan kabel penindih aerial yang dibekalkan.

4 Sambungan belakang, lihat m. 6.

5 Masukkan kod utama yang dibekalkan ke salur utama di bawah TV dan di soket dinding yang mempunyai voltan utama sebanyak 110-240V / 220-240V (p.22). Untuk mencegah kerosakan ke atas kod kuasa (AC) yang boleh menyebabkan kebakaran atau kejutan elektrik, jangan letakkan TV di atas kod.

6 Alat kawalan jauh: Tarik keluar plastik perlindungan daripada bateri, ini akan mengaktifkan alat kawalan jauh.



The battery supplied with the appliance does not contain mercury or nickel cadmium so as to protect the environment. Please do not discard your used batteries, but use the recycling methods available (consult your distributor).

7 Membuka TV: Tekan suis kuasa ⏻ di sebelah kanan TV.

Petunjuk biru di hadapan TV menyala dan skrin muncul. Jika TV berada di dalam mod sedia (petunjuk merah), tekan kekunci -P+ atau

Untuk menggunakan menu

- ❶ Tekan kekunci **MENU** pada alat kawalan jauh untuk mendapatkan menu utama.
- ❷ Gunakan kursor ke atas/bawah untuk memilih **Gambar, Bunyi, Ciri** atau **Pemasangan**.
- ❸ Gunakan kursor mengikut arah ke kanan untuk memilih perkara menu.
- ❹ Gunakan kursor ke atas/bawah untuk memilih setting.

❺ Gunakan kursor ke kiri/kanan untuk melaras.

❻ Untuk keluar dari menu, tekan kekunci **MENU** berulang kali.

Nota: Perkara yang tidak terdapat atau tidak relevan untuk sementara waktu dipaparkan di dalam warna kelabu terang dan tidak boleh dipilih.

Menu TV

Menu TV	Gambar
Gambar ► Bunyi Ciri Pemasangan	Cerah ► ← → Warna Kejelasan Ketajaman Rona Suhu Warna

Menu Gambar:

- **Cerah:** ini menukar seri gambar
- **Warna:** ini menukar kehebatan warna.
- **Kejelasan:** ini menukar perbezaan di antara 'tone' yang terang dan gelap
- **Ketajaman:** ini menukar definisi gambar
- **Rona:** ini melaras gambar untuk mendapatkan 'tone' kulit yang semula jadi.
- **Suhu Warna:** ini menukar warna yang diberikan: Dingin (kebiru-biruan); Biasa (seimbang) atau Hangat (kemerahmerahan).

Menu TV	Bunyi
Gambar Bunyi ► Ciri Pemasangan	Ekualizer ► 120 Hz Imbang 500 Hz (Pelaras bunyi) 1500 Hz Dolby Virtual 5 kHz 10 kHz

Menu Bunyi:

- **Ekualizer:** untuk melaras nada bunyi (dari bass 120 Hz kepada trebel 10 kHz).
- **Imbang:** ini mengimbangi bunyi di speaker kiri dan kanan
- **Pelaras Bunyi:** ini digunakan untuk mengehadkan peningkatan bunyi, bunyi, terutama sekali pada perubahan program atau slot iklan.
- **Dolby Virtual:** Mensimulasikan pengalaman bunyi sekeliling dari dua speaker menggunakan Dolby Pro Logic* memberi pendengar suasana dikelilingi speaker tambahan.

* Dihasilkan secara berlesen daripada Dolby Laboratories.
Dolby 'Pro Logic' dan simbol D berganda adalah tanda dagang Dolby Laboratories.

Menu TV	Ciri
Gambar Bunyi Ciri ► Pemasangan	Pemasa ► (Tidur) Pekunci Masa Kontras+ Masa Mula Noise Reduce Masa Tamat PIP Saluran

Menu Ciri-ciri:

- **Pemasa, Pengunci** dan **PIP**: lihat m. 17-18.
- **Kontras+:** pelarasan automatik kontras gambar yang menetapkan secara kekal bahagian gambar yang paling gelap kepada hitam.
- **Noise Reduce:** mengurangkan Bunyi bising gambar (bersalji) di dalam keadaan penerimaan yang kurang baik

Menu Pasang: lihat m. 14

Menggunakan alat kawalan jauh

Demo pasang/tutup Pixel Plus

(Hanya terdapat pada sesetengah versi.)

- Tekan kekunci . Skrin dibahagikan kepada 2 bahagian:
- Bahagian kiri Pixel Plus dimatikan;
- Bahagian kanan Pixel Plus dinyalakan.
- Tekan kekunci sekali lagi untuk mematikan demo Pixel Plus.



Kekunci peralatan Video dan DVD.

Mod surround

Virtual Dolby* Surround

Optimal dengan signal Dolby surround. Mbolehkan anda mengalami kesan Dolby surround Pro Logic, menghasilkan kesan bunyi yang menonjol. Lihat menu Bunyi, Dolby Virtual, m. 3.

Nota: Anda boleh membuat pilihan yang sama di dalam menu Bunyi, m. 3.

AV untuk memperkenalkan senarai Sumber untuk memilih TV atau peralatan persisian yang disambung kepada **CVI-I, AV, PCVGA/CVI-2, HDMI/PC-D** atau Tepi. Lihat juga m. 6.

Active control/Kawalan aktif

Mempertingkatkan kualiti gambar berdasarkan kepada kualiti penerimaan.

Tekan kekunci ini untuk menukar di antara **Pasang, Pasang dengan pengesan** atau **Tutup**.

MENU Menu utama buka/tutup


Kekunci kurSOR

Tekan kekunci untuk memasuki menu.

VOL Untuk melaras Volum.

0/9 Kekunci Angka

Untuk memilih saluran TV. Bagi nombor program dua angka, isikan angka kedua sebelum sengkang muncul.



Sedia

Tekan untuk memasang atau menutup TV. Apabila dimatikan, penunjuk merah di TV akan menyala..

PIP (Gambar dalam gambar) Buka/Tutup (m. 17)

Senarai rancangan

Untuk memaparkan/membuang senarai rancangan. Gunakan kekunci untuk memilih rancangan dan kekunci untuk memaparkannya.

I-II Mod Bunyi

Untuk menukar daripada **Stereo** atau **Stereo Nicam** kepada **Mono** atau untuk memilih di antara **Dwi I** atau **Dwi II** sekiranya terdapat transmisi dwibahasa.

Apabila mod bunyi Mono, penunjuk yang dipaparkan berwarna merah.

Teleteks Lihat m. 19.

Mengganggu bunyi atau mengadakannya semula.

Kekunci bijak dan

Untuk memilih penetapan gambar dan bunyi yang telah ditetapkan lebih awal.

TV Philips ini telah ditetapkan di kilang untuk kelihatan terbaik di dalam sekitaran stor yang menggunakan lampu neon. Oleh kerana kemungkinan besar rumah anda tidak seterang stor, kami menyarankan anda supaya melihat-lihat pelbagai mod gambar Bijak bagi mendapatkan keadaan yang paling sesuai untuk tontonan anda.


Pilihan Rancangan

Untuk mengalihkan rancangan ke atas atau ke bawah. Nombor, (nama) dan mod bunyi dipaparkan untuk beberapa saat.

Bagi beberapa rancangan TV, tajuk rancangan muncul di bahagian bawah skrin.

Saluran TV Sebelumnya

Tekan untuk memaparkan saluran TV yang dipilih sebelum ini.



MODE* Tekan kekunci ini untuk menukar di antara fungsi **TV, DVD** dan **AUX**.

Format 16:9

Gambar yang anda terima mungkin dihantarkan di dalam format 16:9 (skrin lebar) atau format 4:3 (skrin biasa).

Gambar 4:3 kadang-kala mempunyai jalur hitam di penghujung dan di bawah skrin (format peti surat).

Kekunci ini membolehkan anda untuk mengoptimumkan paparan gambar di skrin.

Penggunaan format yang berbeza

Tekan kekunci **FORMAT** atau gunakan kekunci **◀▶** untuk memilih mod yang berbeza: 4:3, Pengembangan Wayang 14:9, Pengembangan Wayang 16:9, Sari kata zum, Superzum dan Skrin Lebar.

4:3

Gambar ini dihasilkan semula dalam format 4:3 dan relang hitam dipaparkan di antara kedua-dua bahagian sebelah gambar.

Pengembangan Wayang 16:9

Gambar ini dibesarkan kepada format 14:9, relang hitam yang nipis dikekalkan di antara kedua-dua bahagian sebelah gambar.

Pengembangan Wayang 16:9

Gambar ini dibesarkan kepada format 16:9. Mod ini dicadangkan semasa memaparkan gambar yang mempunyai relang hitam di bahagian atas dan bawah (format kotak surat).

Sari kata zum

Mod ini digunakan untuk memaparkan gambar 4:3 menggunakan permukaan penuh skrin, membiarkan judul kecil kelihatan.

Superzum

Mod ini digunakan untuk memaparkan gambar 4:3 menggunakan permukaan penuh skrin dengan membesarakan bahagian tepi gambar.

Skrin Lebar

Mod ini menyimpan bahagian gambar betul yang disiarkan dalam 16:9 menggunakan paparan penuh skrin.

Note: Jika anda memaparkan gambar 4:3 di dalam mod ini, ianya akan dibesarkan secara melintang (horizontal).

Informasi Skrin

Untuk memaparkan/membuang nombor program, nama (jika ianya wujud), masa, mod bunyi dan masa yang terdapat pada pemasa.

Tunggu sehingga 5 saat untuk memaparkan nombor program secara tetap di skrin. Kadar bunyi dan pelarasan kawalan bijak kemudiannya dipaparkan semasa ianya digunakan.

* Pemilih Mod


Alat kawalan jauh membolehkan anda mengawal fungsi utama VCR atau DVD.

Tekan kekunci MOD untuk memilih mod yang dikehendaki: **DVD** atau **AUX** (VCR).

Penunjuk alat kawalan jauh menyala untuk memaparkan mod yang dipilih. Ia dimatikan secara automatik selepas 20 saat jika ia tidak digunakan. Alat kawalan jauh secara automatik akan kembali kepada mod TV. Kekunci berikut adalah beroperasi, bergantung kepada peralatan:

OK, MENU, kekunci kurSOR, -P+, P-P,

Kekunci di sebelah kanan TV



Sekiranya alat kawalan jauh anda hilang atau pecah anda masih boleh menukar beberapa penetapan asas dengan kekunci di sebelah kanan TV anda.



Tekan:

- **POWER** : tekan untuk memasang atau menutup TV.
- + **VOLUME** - : untuk melaras Volum.
- + **PROGRAM** - : untuk memilih sesuatu saluran TV.
- **MENU** : untuk mengakses atau menutup menu. Kekunci + **PROGRAM** - boleh digunakan untuk memilih pelarasan dan kekunci + **VOLUME** - untuk melakukan pelarasan.


Sambungan belakang

Terdapat pelbagai peranti audio dan video yang boleh disambungkan ke TV anda. Rajah sambungan berikut menunjukkan cara untuk menyambungnya ke TV.

CVI-1 boleh menangani YPbPr dan Audio L/R; **AV** CVBS, Y/C dan Audio L/R; **PC-VGA/PC-D** VGA or YPbPr dan Audio L/R; **HDMI/PC-D** HDMI atau DVI.



Perakam (VCR-DVD+RW)




Nota: Jangan letakkan perakam anda terlalu dekat dengan skrin kerana sesetengah perakam mungkin mudah terganggu oleh isyarat dari paparan. Kekalkan jarak minimum sebanyak 0,5m dari skrin.

- ① Sambungkan kabel Antena RF ① ke soket **RF IN** perakam anda.
- ② Sambungkan kabel RF yang satu lagi ② dari output **OUT** perakam anda ke bicus **ANTENNA 75 Ω** input TV.
- ③ Kualiti mainan semula yang lebih baik boleh diperolehi jika anda menyambungkan juga kabel AV ③ Video, Audio L(Kiri) dan R(Kanan) (hanya untuk peranti stereo) ke bicu input **VIDEO, AUDIO L** dan **R, AV**.
- ④ Tekan kekunci **AV** berulang kali untuk memilih **AV**.

Jika perakam anda mempunyai bicu video **S-VHS**:

Untuk kualiti gambar yang lebih baik, sambungkan kabel S-video ④ dengan input **S-VIDEO**. S-VHS tidak menyedia audio, oleh itu bicus mini ke kabel 'cinch' mesti disambungkan untuk mengeluarkan bunyi.




Penyambung **MON. OUT** boleh digunakan untuk 'daisy chaining' atau untuk merakam program dari TV anda.

Hanya apabila perakam disambungkan ke **MON. OUT**, ia boleh merakam program analog daripada TV anda. Lihat Merakam dengan perakam anda, m.13.

Peranti dengan Penyambung Output Video Komponen (YpbPr)


CVI-1 boleh digunakan untuk signal 480i, 480p, 576i, 576p, 720p dan 1080i.



- ① Sambungkan kabel Antena RF ① ke soket **RF IN** perakam anda.
- ② Sambungkan kabel RF yang satu lagi ② dari output **OUT** perakam anda ke bicus **ANTENNA 75 Ω** input TV.
- ③ Sambungkan tiga kabel video komponen berasingan ③ ke peranti yang mempunyai output video komponen (YpbPr), seperti pemain DVD, pemain cakera laser, pemain permainan video, penerima satelit, atau peralatan lain dan ke bicus **Y**, **Pb** dan **Pr** **CVI-1** di TV.
- ④ Sambungkan kabel audio ④ ke bicus **AUDIO L** dan **R** peranti dan ke bicus **L** dan **R** **CVI-1**.
Nota: label-label pada soket video komponen mungkin berbeza, bergantung kepada pemain DVD atau peranti yang disambungkan. Walaupun singkatannya mungkin berbeza, huruf B dan R bererti isyarat komponen biru dan merah, dan Y menandakan isyarat 'luminance'. Rujuk kepada arahan pemain DVD atau peranti untuk digunakan bagi definisi dan butir-butir sambungan.
- ⑤ Tekan kekunci **AV** berulang kali untuk memilih **CVI-1**.

Peranti dengan output skan Progresif

(misalnya kotak 'Set Top' digital, konsol permainan video atau pemain DVD skan Progresif (480p, 576p, 720p atau 1080i)




- ➊ Sambungkan peranti tersebut dengan output **2Fh YPbPr** ke penyambung **VGA** ① (dengan kabel penyesuai VGA ke 'cinch' yang dibekalkan) dan ke bicus **AUDIO L** dan **R** ② **PC-VGA/CVI-2**. Lihat juga buku panduan peranti Definisi Tinggi anda.

- ➋ Tekan kekunci **AV** berulang kali untuk memilih **PC-VGA/CVI-2**.

Nota: Televisyen ini direka untuk menerima piawaian isyarat definisi tinggi 480p, 576p, 720p dan 1080i seperti yang ditentukan oleh piawaian Persatuan Industri Elektronik EIA770.3. Peranti digital dari pengeluar yang berbeza berkemungkinan mempunyai piawaian output yang berbeza, yang boleh menyebabkan kesukaran bagi televisyen untuk memaparkan dengan sempurna.

Amaran: Sekiranya anda perasangkan imej yang bergelung, warna yang salah atau tiada warna, tiada gambar, atau malah kombinasi ini di skrin anda, periksa sama ada sambungan tersebut dilakukan dengan cara yang betul atau jauhkan peranti digital anda dari TV.

Penyambung HDMI (Antara muka Multimedia Definisi Tinggi)



HDMI ialah piawaian baru yang terkini bagi antara sambungan video dan audio Definisi Tinggi Digital. Misalnya, dengan kotak Digital Set Top, dengan peranti yang dilengkapi HDMI seperti PC, DVD-R, penerima AV...

Penyambung **HDMI** membolehkan TV dan monitor berikut memaparkan mod menggunakan kekunci AV di alat kawalan jauh, untuk Definisi Tinggi (HD) dan peralatan komputer (PC):

ENHANCED DEFINITION TV (EDTV)

720 x 576p

HIGH DEFINITION (HDTV)

1280 x 720p

1920 x 1080i

VGA (PC) 640 x 480 60 Hz

SVGA 800 x 600 60 Hz

XGA 1024 x 768 60 Hz

1280 x 1024 60 Hz

- ➊ Sambungkan output HDMI digital peranti HD anda (misalnya PC, pemain DVD, Peti Set Top..) ke penyambung **HDMI/PC-D** TV anda ①.

Nota:

- Operasi yang sempurna hanya dijamin untuk produk produk pelanggan yang mematuhi HDMI.
- Peranti digital dari pelbagai pengeluar berkemungkinan mempunyai piawaian output yang berbeza yang boleh menyebabkan kesukaran bagi televisyen untuk memaparkan dengan sempurna.
- Jika TV berkeadaan sejuk, mungkin terdapat "kelipan" kecil apabila TV dibuka. Ini adalah perkara biasa, tiada masalah dengan TV tersebut.

- ➋ Tekan kekunci **AV** berulang kali untuk memilih **HDMI/PC-D**.

- ➌ Tekan kekunci **I-II** berulang kali untuk memilih **HDMI** Audio.

Peranti dengan penyambung DVI kepada penyambung HDMI TV




- ➊ Di dalam kes peranti HD-DVI (bersambung dengan DVI kepada kabel HDMI) disambungkan, sambungkan juga kabel audio ② (dan jika terdapat audio) ke output **AUDIO** peranti HD anda dan ke **R** (kanan) and **L** (kiri) input **CVI-2** panel TV.

- ➋ Tekan kekunci **AV** berulang kali untuk memilih **HDMI/PC-D**.

- ➌ Tekan kekunci **I-II** berulang kali untuk memilih **PC/HD** Audio.

Komputer dengan penyambung VGA kepada penyambung PC-VGA TV




- ➊ Sambungkan satu hujung kabel VGA ① ke kad video komputer dan hujung yang satu lagi ke penyambung **VGA** di bawah TV.
Sambungkan penyambung dengan kuat menggunakan skru di palam.
- ➋ Sekiranya komputer Multimedia, sambungkan kabel audio ② ke output audio komputer Multimedia anda dan ke input **AUDIO R** (kanan) dan **L** (kiri).
- ➌ Tekan kekunci **AV** berulang kali untuk memilih **PC-VGA/CVI-2**.

Penyambung **VGA** membolehkan mod paparan TV dan monitor berikut:

VGA	640 x 480	60 Hz
SVGA	800 x 600	60 Hz
	1024 x 768	60 Hz
XGA	1024 x 768	60 Hz
	1280 x 1024	60 Hz

Nota: Jika boleh, gunakan mod video XGA1024x768@60Hz untuk mendapatkan kualiti imej terbaik.

Sambungan sisi (camcorder, permainan video, fon kepala)



Kamera, Permainan atau Camcorder

- ① Sambungkan kamera, permainan atau camcorder anda seperti yang ditunjukkan.
- ② Sambung ke **VIDEO** ② dan **AUDIO L** ③ untuk peralatan mono. Untuk peralatan stereo sambungkan juga **AUDIO R** ③.
Kualiti S-VHS dengan camcorder S-VHS diperoleh dengan menyambung kabel S-VHS dengan input **S-VIDEO** ① dan input **AUDIO** ③.
Jangan sambungkan kabel ① dan ② pada masa yang sama. Ini boleh menyebabkan gangguan pada gambar.
- ③ Tekan kekunci **AV** pada alat kawalan jauh.
- ④ Tekan kursor ke atas/bawah untuk memilih **REAR/SVHS**.
- ⑤ Tekan kursor ke kanan.

Fon kepala

Masukkan palam ke dalam soket fon kepala seperti yang ditunjukkan.

Impedans Fon kepala mesti di antara 8 dan 4000 Ohm. Soket fon kepala mempunyai bicus 3.5 mm.

Merakam dengan perakam anda

Merakam program TV

Anda boleh merakam program TV dengan menggunakan penala perakam anda tanpa menjelaskan TV anda.

- ① Pilih nombor saluran di perakam anda.
- ② Tetapkan perakam anda untuk merakam.
Lihat buku panduan untuk perakam anda.

Menukar nombor saluran di TV anda tidak akan mengganggu rakaman!

Merakam dari MONITOR OUT program


Anda boleh merakam program di alat perakam daripada penala TV, dan daripada peranti disambung kepada AV atau penyambung sisi.

Nota: anda tidak boleh merakam daripada CVI atau peranti HDMI yang telah disambungkan.

- ① Pilih program yang anda mahu rakam dan input yang betul pada alat perakam anda.
- ② Set alat perakam anda kepada rakam.

Jangan tukar kepada siaran TV yang lain, program AV atau program daripada peranti yang disambungkan kepada bahagian tepi semasa merakam. Pertukaran kepada program daripada peranti yang disambungkan kepada CVI atau HDMI tidak menjelaskan rakaman.


Bagaimana untuk mencari dan menyimpan saluran TV



Untuk memasang TV anda, sila lakukan perkara berikut:

- ① Gunakan kekunci **MENU** pada alat kawalan jauh.
- ② Gunakan kursor ke atas/bawah untuk memilih **Pasang**.
- ③ Tekan kursor ke kanan untuk memasuki menu Pasang.
- ④ Gunakan kursor ke kiri/kanan untuk memilih bahasa anda.


Simpan secara Auto



- ① Pilih **Simpan Auto** di menu Pasang.
Label pilihan simpan auto **Mula?** akan muncul.
- ② Tekan kursor ke kanan.
- ③ Kemajuan memprogramkan secara auto dipaparkan. Anda boleh menggunakan menu Susun untuk menombori semula saluran TV yang disimpan.

Nota: Nombor saluran akan sentiasa ditulis di dalam abjad Latin, walaupun jika sesuatu bahasa yang telah dipilih menggunakan abjad lain. Kemajuan memprogramkan secara auto

Menyusun saluran TV



- ① Pilih **Susun** di menu Pasang dan tekan kursor ke kanan.
- ② Pilih saluran TV yang ingin digerakkan menggunakan kursor ke atas/bawah dan tekan kursor ke kanan.
- ③ Pilih nombor baru dan sahkan dengan kursor ke kir.
- ④ Ulangi langkah ② dan ③ untuk setiap saluran TV yang ingin dinombori semula.
- ⑤ Untuk keluar dari menu, tekan kekunci **MENU** berulang kali.

Simpan secara manual

Pasang	
Bahasa	Sistem warna
Simpan Auto	Sistem bunyi
Simpan Manual ►	Cari
Susun	Saluran
Nama	Talaan
Sunting Saluran	

Mencari dan menyimpan saluran TV dilakukan saluran demi saluran. Anda mesti melalui setiap langkah menu Pemasangan Manual.

- ① Pilih **Simpan Manual** di menu Pasang dan tekan kurSOR ke kanan untuk memasukinya.
- ② Pilih **Sistem warna** dan tekan kurSOR ke kanan.
Jika **Auto** dipilih, sistem warna berkenaan akan dipilih secara automatik mengikut sistem penghantaran.
Jika penerimaan kurang baik, pilih sistem warna lain dengan kurSOR ke kiri/kanan.
- ③ Tekan kurSOR ke kiri.
- ④ Pilih **Sistem bunyi** dan tekan kurSOR ke kanan.
Jika **Auto** dipilih, sistem bunyi yang berkenaan akan dipilih secara automatik mengikut sistem penghantaran.
Nota: Jika penerimaan kurang baik, pilih sistem warna lain dengan kurSOR ke kiri/kanan.
- ⑤ Tekan kurSOR ke kiri.
- ⑥ **Cari saluran TV:**
Tekan kurSOR ke bawah untuk memilih **Cari** dan tekan kurSOR ke kanan untuk mula mencari.
Memilih saluran TV secara langsung:
Jika anda mengetahui frekuensinya, masukkanya secara langsung dengan kekunci angka 0 hingga 9.
Minta senarai dari syarikat kabel atau penjual anda, atau sebaliknya rujuk kepada Carta frekuensi di bahagian dalam kulit belakang buku panduan ini.
- ⑦ Tekan kurSOR ke bawah dan masukkan nombor program dengan kekunci angka.
- ⑧ **Tala halus:**
Sekiranya penerimaan kurang baik, anda boleh memperbaiki penerimaan dengan melaras frekuensi menggunakan kurSOR ke kiri/kanan.
- ⑨ Untuk menyimpan saluran TV anda, pilih **Simpan** dan tekan kurSOR ke kanan. Ulangi langkah ② hingga ⑧ untuk menyimpan satu lagi saluran TV.
- ⑩ Untuk keluar dari menu, tekan kekunci **MENU** pada alat kawalan jauh berulang kali.

Beri Nama

Pasang	
Bahasa	10
Simpan Auto	11
Simpan Manual
Susun	
Nama ►	
Sunting Saluran	

Adalah mungkin untuk menukar nama yang disimpan di dalam memori atau memberikan nama kepada sesuatu saluran TV atau luar yang mana namanya belum dimasuki. Satu nama sehingga 5 huruf atau nombor boleh diberikan kepada nombor program 0 hingga 99.

Nota: Adalah mustahil untuk menamakan semula sumber VGA.

- ① Pilih **Nama** di dalam menu Pasang dan tekan kursor ke kanan.
- ② Pilih nombor program.
- ③ Tekan kursor ke kanan.
- ④ Pilih abjad berikut dengan kursor ke atas/bawah.
- ⑤ Pilih posisi berikut dengan kursor ke kanan.
- ⑥ Pilih abjad berikut.
- ⑦ Tekan kursor ke kiri berulang kali apabila selesai.
- ⑧ Pilih nombor program lain dan ulangi langkah ② hingga ⑦.
- ⑨ Tekan kekunci **MENU** untuk kembali ke menu TV. Tekan semula untuk keluar menu TV.

Nota: jarak, nombor dan abjad yang lain terletak di antara Z dan A.

Menyunting saluran

Pasang	
Bahasa	Saluran
Simpan Auto	Langkau
Simpan Manual	
Susun	
Nama	
Sunting Saluran ►	


Ciri ini membolehkan anda untuk menyunting atau melangkau saluran dari senarai saluran yang mempunyai isyarat atau saluran yang lemah atau kurang baik yang tidak kerap ditonton.

*Nota: Sebaik saja satu saluran dilangkau, anda tidak boleh memilihnya dengan kekunci **-P+** anda hanya boleh mengakses saluran tersebut dengan kekunci angka.*

- ① Pilih **Sunting saluran** di menu Pasang.
- ② Tekan kursor ke kanan untuk memasuki senarai saluran.
- ③ Pilih saluran yang ingin dilangkau dengan kursor ke atas/bawah.
- ④ Tekan kursor ke kanan untuk melangkau saluran yang dipilih. Mesej **Langkau** dipaparkan.
- ⑤ Tekan kursor ke atas/bawah untuk memilih saluran lain dan ulangi langkah ④.
- ⑥ Tekan kekunci **MENU** untuk kembali ke menu Pasang.

Menu ciri-ciri

Pemasa



Menu ini membenarkan anda menggunakan TV sebagai penggera.

- ① Tekan kekunci **MENU**.
- ② Dengan kurSOR, pilih **Ciri-ciri**, kemudian **Pemasa**.
- ③ **Tidur** (hanya terdapat pada sesetengah versi): untuk memilih masa sedia automatik.
- ④ **Masa**: masukkan masa semasa.
- ⑤ **Masa Mula**: masukkan masa mula.
- ⑥ **Masa Berhenti**: masukkan masa sedia.
- ⑦ **Saluran**: masukkan nombor saluran bagi penggera bangun daripada tidur.
- ⑧ **Aktifkan**: penetapannya termasuk:
 - **Sekali** untuk sekali penggera
 - **Setiap hari** untuk setiap hari
 - **Tutup** untuk membatalkan.
- ⑨ **Paparan**: tekan kurSOR ke kanan untuk memilih **Buka** atau **Tutup**, mengikut keinginan anda sama ada ingin memaparkan masa semasa di skrin TV ataupun tidak.
- ⑩ Tekan kekunci pada alat kawalan jauh untuk meletakkan TV pada sedia. ia akan muncul secara automatik pada masa ia diprogramkan. Jika anda membiarkan TV terbuka, ia hanya akan menukar program pada masa yang ditetapkan (dan akan pergi ke mod sedia pada **Masa Berhenti**).

Nota: Dengan menggandingkan fungsi **Kunci** daripada Kanak-kanak dan **Pemasa**, anda boleh mengehadkan tempoh TV digunakan, misalnya oleh anak-anak anda.

PIP

(Gambar dalam Gambar)

PIP Combinations	
MAIN	PIP
TV/AV/VGA/SIDE	HD DVI / HDMI
TV/AV/VGA/SIDE	PC-D
HD DVI / HDMI	TV/AV/VGA/SIDE
PC-D	TV/AV/VGA/SIDE


Ciri Gambar Dalam Gambar membenarkan anda untuk mendapatkan subskrin di dalam skrin utama, membolehkan anda untuk menonton saluran TV, gambar dari peranti yang disambungkan ke **VGA**, **AV** atau **SIDE** dan gambar dari peranti yang disambungkan ke **HDMI/PC-D** (peranti Definisi Tinggi Digital) pada masa yang sama.

- ① Tekan kekunci **MENU**.
- ② Dengan kurSOR, pilih **Ciri-ciri**, kemudian **PIP**.
- ③ Tekan kurSOR ke kanan untuk memilih saiz PIP yang ada: **Tutup**, **Kecil**, **Sederhana**, **Besar** atau **Sebelah menyebelah**. Sesudah memilih saiznya, dan peranti disambungkan ke **HDMI/PC-D** dan dibuka, tetingkap PIP secara automatik akan muncul. Tekan kekunci **P-** atau **P+** atau kekunci digit untuk memilih **TV/AV/VGA** atau **SIDE** gambar atau untuk memaparkan tetingkap peranti **HDMI/PC-D** di skrin utama.
- ④ Pilih **Mendatar** atau **Menegak** untuk menggerakkan tetingkap PIP ke sudut lain di skrin utama.

Nota: Anda juga boleh mengakses tetingkap PIP terus kepada kekunci pada alat kawalan jauh.

- Tekan kekunci untuk memaparkan tetingkap PIP;
- Tekan kekunci secara berterusan untuk ditogol menerusi pelbagai saiz tetingkap PIP dan memilih saiz yang dikehendaki;
- Gunakan kurSOR ke kanan/kiri untuk menggerakkan tetingkap PIP secara mendatar (horizontal) atau menegak (vertikal);
- Gunakan kekunci **P-/+** untuk menukar program PIP di skrin.

Pengunci



Penting: anda terlupa Kod Akses

Ingatlah bawa 0, 7, 1, 1 adalah kod default Child lock. Jika kod akses anda telah ditukar oleh orang lain (contohnya, anak anda) atau anda terlupa kodnya, anda masih boleh mengakses laluan dengan memasukkan kod default

Ciri-ciri menerima dan memproses data yang disampaikan oleh penyiar atau pembekal program lain yang mengandungi nasihat kandungan program. Apabila diprogramkan oleh penonton, TV akan bertindakbalas terhadap nasihat kandungan dan menyekat kandungan program yang terlarang. Ciri ini membolehkan ibubapa menyekat atau "menapis" mana-mana saluran yang difikirkan tidak sesuai untuk kanak-kanak. Saluran yang disekat tidak boleh ditonton sehinggalah kod laluan yang tepat digunakan untuk membuka saluran tersebut.

- ① Tekan kekunci MENU.
- ② Dengan kurSOR, pilih **Ciri**, disusuli **Pengunci**.
- ③ Tekan kurSOR ke kanan untuk masuk ke menu Kunci drp.
- ④ Anda akan diminta untuk memasukkan Kod Laluan.
 - Tekan 0, 7, 1, 1 pada alat kawalan jauh. **Incorrect** akan terpapar pada skrin.
 - Tekan 0, 7, 1, 1 pada alat kawalan jauh sekali lagi. **New Code** akan terpapar pada skrin.
 - Masukkan kod 4-digit baru dengan punat nombor. **Confirm Code** akan terpapar pada skrin.
 - Masukkan kod 4-digit baru anda sekali lagi. **Confirmed** akan mengelip pada skrin buat seketika dan jalur highlight kembali ke Block Channel.

Ciri-ciri kunci budak

Kunci Saluran

Pilih saluran TV yang ingin disekat. Tekan kurSOR ke kanan untuk mengunci saluran.

Ulangi untuk mana-mana saluran yang ingin disekat dari tontonan.

Tukar Kod

Untuk menukar Kod Laluan yang dikunci. Masukkan kod laluan semasa atau kod default 0,7,1,1 dan masukkan kod laluan peribadi baru. Kod lama akan dipadam dan kod baru disimpan.

Padam Semua

Untuk membuka semua program.


Sekat Semua

Untuk mengunci semua saluran dan program dengan segera. Dalam mod OFF, anda akan kembali ke saluran kunci individu.

Teleteks

Hanya Teleteks bahasa Inggeris disokong

Teleteks adalah penyiaran sistem maklumat oleh saluran tertentu yang boleh dirujuk seperti akhbar. Ia juga menawarkan akses kepada sari kata untuk penonton yang menghadapi masalah pendengaran atau yang tidak biasa dengan bahasa penghantaran (rangkaian kabel, saluran satelit, dll.).



Tekan:		Anda akan memperoleh:
	Teleteks buka/tutup	<p>Ini digunakan untuk mendapatkan Teleteks dan kemudian keluar. Ringkasannya muncul dengan senarai perkara yang boleh diakses. Setiap perkara mempunyai nombor muka surat 3 angka yang sepadan.</p> <p>Jika saluran yang dipilih tidak menyiaran Teleteks, petunjuk 100 akan dipaparkan dan skrin akan kekal kosong (di dalam keadaan ini, keluar Teleteks dan pilih saluran lain).</p>
	Memilih satu muka surat	<p>Masukkan nombor muka surat yang diperlukan menggunakan 0 hingga 9 atau kekunci -P+. Misalnya: muka surat 120, masukkan 120. Nombor tersebut dipaparkan di sebelah atas kiri, kaunternya berputar dan kemudian muka surat tersebut dipaparkan. Ulang operasi ini untuk melihat muka surat lain. Jika kaunter terus mencari, ini bermakna muka surat tersebut tidak dihantar. Pilih nombor lain.</p>
	Akses langsung ke perkara	<p>Bahagian yang berwarna dipaparkan di bawah skrin. 4 kekunci berwarna digunakan untuk mengakses perkara atau muka surat yang sepadan.</p> <p>Bahagian yang berwarna berkilip apabila perkara atau muka surat belum ada lagi.</p>
	Kandungan	<p>Ini mengembalikan anda kepada muka surat kandungan (biasanya muka surat 100).</p>
	Kursor Membesarkan muka surat	<p>Ini memberarkan anda untuk memaparkan bahagian atas atau bawah muka surat dan kemudian kembali ke saiz biasa.</p>
	Berhenti memperolehi muka surat tambahan	<p>Sesetengah muka surat mengandungi muka surat tambahan di mana iaanya automatik dipaparkan seterusnya. Kekunci ini digunakan untuk memberhentikan atau menghantar perolehan muka surat tambahan. Penunjuk muncul di bahagian atas kiri.</p>
	Teleteks muka surat berganda	<p>Untuk mengaktifkan atau menyah aktifkan mod paparan Teleteks muka surat berganda. Muka surat yang aktif dipaparkan di sebelah kiri dan muka surat berikutnya dipaparkan di sebelah kanan. Tekan jika anda ingin menahan sesuatu muka surat (iaitu muka surat kandungan). Muka surat aktif kemudiannya dipaparkan di sebelah kanan. Untuk kembali ke mod biasa, tekan I-II.</p>

Menggunakan mod monitor PC

TV anda boleh digunakan sebagai monitor komputer.

Anda mesti menyambungkan dahulu komputer, laraskan resolusinya dan kembalikan kadarnya kepada asal (lihat m. 10).

Nota:

- Semasa menggunakan TV LCD sebagai monitor PC, sedikit gangguan oleh garisan-garisan condong mungkin akan kelihatan semasa ia diselenggarakan di bawah gangguan elektromagnetik persekitaran tetapi ini tidak akan mengganggu keupayaan produk ini.
- Untuk persembahan yang lebih baik, kabel **HDMI/DVI/VGA** berkualiti baik dengan penapisan pemisah bunyi bising adalah dicadangkan.


Memilih mod PC-VGA

- ① Tekan kekunci **AV** pada alat kawalan jauh untuk memaparkan **senarai Sumber**.
- ② Gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih **PC-VGA** kemudian tekan kekunci **▶** untuk menukar TV kepada mod PC-VGA.
- ③ Untuk kembali kepada mod TV, ulangi langkah ① dan ②, tetapi pilih **TV**.

Memilih mod PC-D

- ① Tekan kekunci **AV** pada alat kawalan jauh untuk memaparkan **senarai Sumber**.
- ② Gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih **PC-D** kemudian tekan kekunci **▶** untuk menukar TV kepada mod PC-VD.
- ③ Untuk kembali kepada mod TV, ulangi langkah ① dan ②, tetapi pilih **TV**.

Menggunakan menu PC



Tekan kekunci **MENU** untuk mengakses penetapan khusus mod monitor PC. Gunakan kekunci kurSOR untuk melarasinya (penetapan disimpan secara automatik).

Gambar

- **Kecerahan/Kontras**: untuk melaras kecerahan dan kontras.
- **Mendatar/Menegak***: untuk melaras penempatan imej secara mendatar dan menegak.
- **Tint**: untuk melaras warna (dingin, biasa atau hangat).

Pilihan Audio

Untuk memilih bunyi yang dihasilkan semula pada TV (**PC/HD or TV**).

Nota:

- Anda mesti memilih mod TV sebelum pergi ke mod PC/HD.
- Untuk mendengar bunyi daripada peranti HD di dalam mod PC, pastikan anda juga menyambung kabel audio ke peranti HD.

Ciri-ciri

- **Fasa/Jam***: menghapuskan garisan mengganggu menegak (**Fasa**) dan menegak (**Jam**).
- **Format**: untuk memilih di antara format skrin besar (**Skrin penuh**) atau yang asal ('**Native**') bagi skrin PC.
- **PIP**: menukar Saiz dan Posisi tetingkap PIG pada skrin apabila butang digunakan.
- **Laras secara auto***: posisi ditetapkan secara automatik.

Reset to Factory(Tetap semula ke penetapan Kilang)

Untuk kembali ke penetapan kilang.

* Pelarasian ini tidak terdapat di dalam mod PC-D.

Menggunakan mod HD (Definisi Tinggi)

Mod HD (Definisi Tinggi) membolehkan anda menikmati gambar yang lebih terang dan jelas menerusi input **CVI-1**, **CVI-2** atau **HDMI** jika anda menggunakan penerima/peralatan HD yang boleh menyiar program definisi tinggi.

Anda mesti menyambungkan dahulu komputer dan laraskan resolusinya (see p. 7).

Memilih mod HD

- ① Tekan kekunci **AV** pada alat kawalan jauh untuk memaparkan **senarai Sumber**.
- ② Bergantung kepada penyambung anda, gunakan kekunci **▲▼** untuk memilih **CVI-1 (SD/HD), CVI-2 (SD/HD)** atau **HDMI** kemudian tekan kekunci **►** untuk menukar TV kepada mod HD yang dipilih.
- ③ Untuk kembali kepada mod TV, ulangi langkah ① dan ②, tetapi pilih **TV**.

Menggunakan menu HD

Tekan kekunci **MENU** untuk mengakses penetapan khusus mod HD. Gunakan kekunci kurSOR untuk melarasinya (penetapan disimpan secara automatik).

Menu Gambar/Bunyi

Seting gambar/bunyi HD adalah sama dengan setting gambar/bunyi TV dan fungsi adalah sama caranya dengan menu di dalam TV.

Ciri-ciri

- **PIP:** untuk melaras saiz dan posisi skrin PIP.
- **Perubahan melintang (Horizontal):** untuk melaras kedudukan melintang imej.
- **Perubahan menegak (Vertical):** untuk melaras kedudukan menegak imej.



Slot Keselamatan Kensington (jika terdapat)

TV anda dilengkapi dengan Slot Keselamatan Kensington, untuk mengelak daripada dicuri. Kunci pencegah kecurian Kensington harus dibeli berasingan.

Kunci Kensington ialah kabel besi dengan penyalut plastik berserta kunci. Salah satu penghujung harus disambungkan dengan pembukaan TV menggunakan kunci istimewa. Penghujung yang satu lagi disambungkan kepada soket tetap.

® Kensington dan MicroSaver didaftarkan di bawah tanda dagangan US, ACCO World Corporation dengan perlakuan pendaftaran dan sedang menunggu pendaftaran di negara-negara lain di seluruh dunia. Kesemua tanda dagangan berdaftar dan tidak berdaftar adalah hak milik tuanpunya yang berkenaan.

Tip

Gambar kurang baik	<ul style="list-style-type: none"> Sudah anda memilih sistem TV yang betul di menu pemasangan manual? Adakah TV atau aerial rumah anda terlalu dekat dengan pembesar suara, peralatan yang tidak dibumikan atau lampu neon, dll.? Gunung-ganang atau bangunan tinggi boleh menyebabkan gambar berganda atau imej berkabus. Kadang-kala anda boleh memperbaiki kualiti gambar dengan menukar arah aerial. Adakah gambar atau Teleteks tidak boleh dikenali? Periksa sama ada anda telah memasukkan frekuensi yang betul. Lihat Simpan saluran TV, Simpan Manual, m.15. Periksa sambungan HDMI.
Tiada gambar	<ul style="list-style-type: none"> Adakah kabel yang dibekalkan disambung dengan sempurna? (Kabel aerial ke TV, aerial yang satu lagi ke perakam anda, Kabel VGA ke paparan, kabel kuasa.) Adakah kunci daripada kanak-kanak ditutup? Sudah PC anda dibuka? Adakah anda melihat skrin hitam dan petunjuk di hadapan TV menyalah warna hijau, ini bermakna mod paparan tidak disokong. Tukarkan sumber VGA atau HDMI ke mod yang betul. Di dalam kes isyarat lemah atau tidak baik, rujuk kepada penjual anda..
Tiada gambar dan suis kuasa dibuka	<ul style="list-style-type: none"> TV anda mempunyai mod perlindungan sekiranya terdapat terlalu banyak haba yang membentuk. Periksa ruang di sekeliling ruang udara peranti bagi memastikan tiada dinding atau kabinet yang menghalang yang akan mengehadkan pengaliran udara.
Gangguan digital	<p>Kualiti rendah sesetengah bahan gambar digital mungkin menyebabkan gangguan imej digital. Di dalam kes ini pilih penetapan Lembut menggunakan kekunci gambar Bijak <input type="checkbox"/> pada alat kawalan jauh.</p>
Tiada bunyi	<ul style="list-style-type: none"> Tiada bunyi pada sebarang saluran? Periksa Volum tidak pada paras minimum. Adakah bunyi diganggu dengan kekunci senyap ? Apabila tiada isyarat yang dikesan, TV secara automatik menutup bunyi. Ini adalah operasi yang sempurna dan tidak menandakan kerosakan..
Tiada penyelesaian untuk masalah gambar atau bunyi anda?	<p>Tutupkan TV anda dan kemudian buka semula. Jangan cuba untuk membaiki kerosakan TV anda sendiri. Periksa dengan penjual anda atau hubungi juru teknik TV.</p>
Menu	<p>Adakah anda memilih menu yang salah? Tekan kekunci MENU sekali lagi untuk keluar daripada menu.</p>
Alat kawalan jauh	<ul style="list-style-type: none"> Periksa sama ada alat kawalan jauh berada di dalam mod yang betul. Jika TV anda tidak lagi bertindak kepada alat kawalan jauh, bateri mungkin sudah kehabisan. Anda masih boleh gunakan kekunci MENU dan kekunci -/+ di bahagian atas TV anda.
Sedia	<p>TV Anda menggunakan tenaga di dalam mod sedia. Penggunaan tenaga menyumbang kepada pencemaran udara dan air. Penggunaan kuasa: 2W .</p>
Kawalan peranti aksesori	<ul style="list-style-type: none"> Isyarat infra merah skrin boleh mempengaruhi sensibiliti penerimaan alat persisian lain. Penyelesaian: gantikan bateri alat kawalan jauh peranti lain. Misalnya jauhkan fon kepala tanpa wayar dari dalam jejari 50" .
Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> Suhu suasana: + 5~ + 40°C Salur utama: 50/60 Hz Auto Voltan dari : <ul style="list-style-type: none"> 110 - 240V : 42PF7320; 42PF7520Z; 50PF7320; 220 - 240V : 37PF7320; 42PF7420; Penggunaan kuasa: 37PF7320: sekitar 167W; 42PF7320: sekitar 230W; 42PF7420: sekitar 246W; 42PF7520Z: sekitar 305W; 50PF7320: sekitar 420W; Penggunaan sedia: < 2 W Berat (tidak termasuk bungkusan): 37PF7320: 23,2 kg; 42PF7320/7520Z: 37,3 kg; 42PF7420: 27 kg; 50PF7320: 50 kg Dimens (wxhxd): 37": 1105x610x97; 42": 1240x680x104; 50": 1415x780x104